

PM Yakin Parlimen Luluskan Kenaikan Gaji Penjawat Awam Lebih 13 Peratus

Oleh [Mohd Iskandar Ibrahim](#) - Mei 2, 2024 @ 2:09pm
bhnews@bh.com.my



Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kenaikan gaji penjawat awam seperti diumumkannya semalam, akan diluluskan di Parlimen dengan bergaya pada pembentangan Belanjawan 2025 Oktober ini. - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kenaikan gaji penjawat awam seperti diumumkannya semalam, akan diluluskan di Parlimen dengan bergaya pada pembentangan Belanjawan 2025 Oktober ini.

-ADVERTISEMENT-

Perdana Menteri berkata semua parti komponen dalam Kerajaan MADANI termasuk Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor memberi sokongan penuh terhadap kenaikan terbabit supaya ia dapat dilaksanakan pada 1 Disember depan.

"Penjawat awam umumnya sambut dengan baik tetapi kita tak boleh halang beberapa kenyataan yang hambar, ada kata ini pengumuman Anwar untuk laksana 1 Disember, mana tahu kalau Parlimen tak luluskan.

"Saya nak tahu siapa, Ahli Parlimen mana yang nak bantah kenaikan ini, kalau betul dia bantah, kita humban dia dalam pilihan raya akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penerapan Nilai Murni dan Sambutan Aidilfitri Kementerian Dalam Negeri (KDN), hari ini.

Justeru, Anwar menasihatkan penjawat awam supaya tidak bimbang kerana kerajaan memiliki majoriti yang diperlukan dalam Parlimen.

Perdana Menteri berkata, beliau juga ada mendengar kritikan hambar kononnya kenaikan terbabit bukan yang tertinggi sedangkan kerajaan sudah membuat perkiraan yang sewajarnya.

Katanya, beliau tidak mahu membuat pengumuman secara terperinci kerana perlu mengikut proses ditetapkan.

"Jadi saya nak sebut sabar dulu, jangan sompong dan angkuh, jangan lengki, dia lengki kerana apabila ada pengumuman baik, orang sambut baik, dia mesti akan cuba berhujah untuk mencemuhkan.

"Saya nak beritahu saudara, kalau kita tengok perincian keputusan ini sebenarnya, bagi kategori rendah, kenaikan itu antara 20 hingga hampir mencecah 40 peratus bagi kebanyakan penjawat awam.

"Ini kenyataannya kerana sistem kita perlu lebih saksama, yang pangkat tinggi naik sikit, yang pangkat rendah naik banyak, ini baru namanya keadilan," katanya.

Perdana Menteri turut menafikan pengumuman berkaitan kenaikan gaji penjawat awam itu disebabkan oleh Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu.

"Jadi saya harap jangan dengar, dia (pihak lawan) guna (pengumuman kenaikan gaji) ini (untuk) PRK Kuala Kubu Bharu, tak ada kena mengena, kita buat keputusan itu awal tahun, sebelum bekas ADUN itu meninggal dunia," katanya.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, perincian berhubung kenaikan gaji penjawat awam akan dibuat pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) manakala secara lengkap pada pembentangan Belanjawan 2025.

Perdana Menteri ketika menyampaikan amanat sempena Sambutan Hari Pekerja semalam, mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam lebih 13 peratus bermula 1 Disember depan.